

# KERANGKA AWAL PEMBENTUKAN MODUL PENGAJARAN BAHASA AL-QURAN UNTUK ORANG AWAM MENGGUNAKAN WARNA PRIMER

**Azlan Shaiful Baharum**

*Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia*  
*azlan\_arab@usim.edu.my*

**Mohammad Loqman Ibrahim**

*Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia*  
*loqmanib@gmail.com*

**Abstrak:** Pembelajaran bahasa Arab menerusi Al-Quran telah mula mendapat tempat dalam kalangan masyarakat. Hal ini disebabkan oleh pengaruh media islamik hari ini yang giat menyiaran rancangan berbentuk pengajaran Al-Quran dan majlis-majlis ilmu di masjid juga memainkan peranannya. Maka, masyarakat tidak terlepas daripada pendedahan terhadap bahasa Arab yang menjadi bahasa pengantaraan bagi membawa mesej Al-Quran dan Hadis. Tambahan pula, kesemua amal ibadah umat Islam tidak terlepas daripada penggunaan bahasa Arab, malah menjadi syarat sesuatu ibadah itu diterima oleh Allah SWT khususnya ibadah solat. Hal ini menjadikan bahasa Arab amat sinonim dengan umat Islam. Di Malaysia, pelbagai kaedah pengajaran untuk memahami bahasa Al-Quran telah cuba dihasilkan. Oleh itu pengkaji mengambil inisiatif untuk membentuk satu modul yang sesuai untuk mereka. Kajian ini bertujuan untuk membina kerangka sebuah modul pembelajaran bahasa Arab Al-Quran dengan teknik yang menarik. Ia juga untuk menghasilkan sebuah modul yang sesuai untuk segenap masyarakat Islam di Malaysia. Kajian ini mengkaji pendekatan baru untuk orang awam dalam mempelajari perkataan bahasa Arab Al-Quran iaitu menerusi warna asas atau primer. Di samping itu, kajian ini juga turut memberikan pendedahan asas kepada orang awam tentang hukum-hukum tatabahasa Arab yang terdapat di dalam Al-Quran secara mudah. Pembentukan modul ini menerapkan Model ADDIE yang merupakan antara model rekabentuk yang sistematik dan efektif. Ia terdiri daripada lima fasa iaitu analisis keperluan masyarakat awam, reka bentuk asas modul bahasa al-Quran, pembangunan modul biteraskan kaedah lahiriah dan batiniyah hasil adaptasi modul Al-Nadwi, perlaksanaan modul terbabit dan penilaian keberkesanannya. Hasil daripada penggunaan model ADDIE ini, maka satu modul terbina dan mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran (P&P) seiring dengan citarasa dan keperluan pelajar terutama masyarakat awam dalam memahami bahasa Al-Quran.

**Kata Kunci:** Pembentukan, modul pengajaran, bahasa Al-Quran, orang awam, penggunaan warna primer

## 1. Pendahuluan

Arab merupakan salah satu bahasa terpenting di dunia. Di Malaysia, bahasa Arab menjadi bahasa ketiga yang terpenting selepas bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Tambahan pula, bahasa Arab memainkan peranan yang penting terutama perkara yang melibatkan hal-hal ibadat seperti solat, haji dan membaca Al-Quran. Selain itu, pengajaran bahasa Arab di Malaysia semakin hari semakin berkembang. Menurut Rosni Samah (2009), pengajaran bahasa Arab telah bermula sejak dari kedatangan Islam secara tidak rasmi. Tujuannya adalah untuk memahami ajaran Islam dan melaksanakan ibadahnya. Perkembangan pengajaran bahasa Arab dapat dilihat dengan jelas dalam perkembangan pengajian Islam di institusi pondok serta diperluas oleh sistem pendidikan madrasah lalu dipelbagaikan pula subjeknya hingga hari ini. Menurut Azlan et al. (2017), pembelajaran bahasa Arab amat dititikberatkan sejak peringkat awal kanak-kanak terutama sejak tadika lagi hingga ke peringkat tertinggi di universiti awam di Malaysia.

Dewasa ini, minat orang ramai terhadap pembelajaran bahasa Arab semakin bertambah dengan rancaknya. Hal ini berikutan pengaruh media islamik hari ini yang giat menyiaran rancangan-rancangan berbentuk Al-Quran seperti kuliah tafsir serta siri bacaan Al-Quran. Menurut Afifah dan Suhaila (2014), kebanyakan orang awam di Malaysia mempelajari bahasa Arab adalah untuk tujuan memahami Al-Quran dan bacaan di dalam solat fardhu. Jadi, perkara ini menunjukkan fungsi bahasa Arab amat besar dalam perlaksanaan hal-hal ibadah terhadap kehidupan masyarakat di Malaysia yang

majoritinya beragama Islam. Pembelajaran bahasa Arab tidak lagi menjadi pilihan bahkan keperluan yang penting bagi mereka.

## 2. Pembelajaran Bahasa Arab Al-Quran di Malaysia

Pada masa kini, minat orang ramai terhadap Al-Quran semakin mendalam. Pelbagai program telah diadakan bagi menarik lebih ramai orang mencintai Al-Quran. Hal ini boleh dilihat menerusi pelbagai aktiviti yang diadakan samada di masjid mahupun di kaca TV seperti Quran Hour, Tadabbur Centre dan sebagainya. Menurut kajian Ku Fatahiyyah (2019), antara tujuan utamanya adalah untuk memahami isi kandungan al-Quran, mendalami ajaran agama Islam dan memahami istilah-istilah Arab yang digunakan di dalam pelbagai bidang ilmu.

Memahami isi kandungan Al-Quran tidak terlepas dari memahami bahasanya sendiri iaitu Bahasa Arab. Menurut Wan Azura (2009), penguasaan yang mantap dalam kalangan ulama terdahulu seperti Ibn Abbas, Ibn Ashur dan al-Shanqiti dalam bahasa Arab telah membuktikan bahawa aspek bahasa juga memainkan peranan yang penting dalam pentafsiran ayat-ayat al-Quran. Di Malaysia, pelbagai kaedah baru bagi memahami Al-Quran dibuat seperti Pusar, Al-Furqan dan Ulwan. Hal ini menunjukkan kesedaran orang ramai terhadap pembelajaran bahasa Al-Quran telah mula meningkat.

Oleh itu, kajian penyelidikan ini akan membina kerangka sebuah modul pembelajaran bahasa Arab Al-Quran dengan teknik yang menarik. Hal ini kerana kajian mendapati bahawa kebanyakan orang awam mempelajari bahasa Arab adalah untuk tujuan memahami Al-Quran dan bacaan dalam Solat (Afifah & Suhaila, 2014). Kajian ini akan mengkaji pendekatan baru untuk orang awam dalam mempelajari perkataan Bahasa Arab Al-Quran iaitu menerusi pelbagai warna asas atau primer. Di samping itu, kajian ini juga turut memberi pendedahan asas kepada orang awam tentang hukum-hukum tatabahasa Arab yang terdapat di dalam Al-Quran secara mudah.

## 3. Penyata Masalah

Pembelajaran bahasa Arab menerusi Al-Quran telah mula mendapat tempat dalam kalangan masyarakat. Hal ini disebabkan oleh pengaruh media islamik hari ini yang giat menyiaran rancangan berbentuk pengajaran Al-Quran seperti tadabbur, tafsir serta siri bacaan Al-Quran. Menurut Md Noor (2016), perkembangan ilmu semasa hari ini akhirnya menyebabkan bahasa arab turut kembali mendapat tempat dalam kalangan masyarakat sehingga ia diajarkan di masjid, surau atau dewan-dewan orang ramai. Namun begitu, terdapat masalah kurang tumpuan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab untuk ataupun orang awam kerana dilakukan secara sambilan atau separuh masa.

Modul bahasa Arab yang terlalu sukar dan tahap yang tinggi dengan pembelajaran bahasa Arab untuk memahami Al-Quran juga menjadikan ia sukar untuk mereka. Hal ini turut dibuktikan oleh kajian Che Radiah (2011) bahawa bahan pengajaran bahasa Arab yang dihasilkan di pasaran agak rumit dan tidak memenuhi keperluan golongan awam untuk mempelajarinya. Tambahan pula, ia tidak meraikan keinginan masyarakat awam yang cenderung mempelajari bahasa Arab untuk tujuan ibadah. Menurut Zalika (2007) pula, mendapati bahawa bahasa Arab yang dipelajari oleh orang awam adalah lebih bertujuan untuk memahami isi kandungan Al-Quran dan untuk memenuhi keperluan semasa mereka berbanding hanya sibus komunikasi dan perbualan semata-mata.

Di samping itu, pembelajaran juga tidak menfokuskan kepada contoh-contoh di dalam Al-Quran yang mempunyai aspek penting pengajaran untuk kehidupan. Penggunaan bahan yang digunakan di dalam modul kurang mengambil kira pendekatan dan prinsip pembelajaran dewasa andragogi (Nor Yazidah & Che Radiah, 2016). Menurut Husaini dan Che Radiah (2015) pula, golongan warga emas atau awam cenderung untuk mempelajari topik yang berkaitan dengan tema agama, tema komunikasi, unsur bahasa seperti fonologi, morfologi, sintaksis, kosa kata serta keindahan bahasa dan unsur kemahiran bahasa yang lain seperti membaca, bertutur, mendengar dan menulis.

Oleh itu, pengkaji bercadang untuk mebina sebuah modul Bahasa Arab Al-Quran yang dapat memenuhi keperluan masyarakat dalam memahami Al-Quran serta menghayatinya. Tambahan pula, modul ini mengetengahkan aspek-aspek asas Bahasa Arab yang sesuai dan mudah untuk masyarakat di Malaysia. Tambahan pula, modul ini juga memberikan pendedahan dan kaedah pengajaran baru dan sesuai dengan keperluan mereka pada masa ini.

#### 4. Reka Bentuk Modul


Reka bentuk modul pengajaran merupakan elemen utama dan terpenting dalam menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran sesuatu kursus. Menurut Dick dan Reiser (1989), tujuan diadakan aktiviti reka bentuk pengajaran ialah untuk mengesyorkan kaedah pengajaran yang optimum yang boleh mengubah pengetahuan pelajar, kemahiran dan efektif pelajar. Oleh itu, pembangunan reka bentuk modul Bahasa Al-Quran berteraskan warna primer ini penting bagi menjadikannya modul yang efektif serta sesuai untuk masyarakat awam di Malaysia. Oleh itu, pengkaji mengadaptasi beberapa model untuk digunakan dalam rekabentuk modul ini antaranya:

##### 4.1 Reka bentuk Addie dalam proses reka bentuk modul pengajaran

Model ADDIE merupakan antara model rekabentuk yang sistematik dan efektif yang terdiri daripada lima fasa iaitu analisis, reka bentuk, pembangunan, perlaksanaan dan penilaian (Ummu & Izuan, 2015). Nama ADDIE ini adalah satu akronim bagi perkataan Analysis (analisis), Design (reka bentuk), Development (perkembangan), Implementation (perlaksanaan), dan Evaluation (penilaian). Ia telah diihamkan oleh Dick and Carry (1996).

Berdasarkan nama, kita dapat lihat bahawa model ADDIE mempunyai struktur yang saling berkait antara satu sama lain. ADDIE disusun mengikut turutan prosesnya yang tersendiri. Menurut Mc Griff (2000), setiap output bagi sesuatu fasa akan menjadi input pada fasa yang lain. Pengkaji tertarik untuk menjadikan ADDIE sebagai model pembangunan modul bahasa Arab Al-Quran.

Dalam merangka modul ini, pada peringkat analisa, pengkaji telah mengkaji tentang kandungan yang sesuai untuk dimuatkan di dalam modul. Ia meliputi tajuk-tajuk asas seperti mengenal *isim*, *fiel* dan *huruf* di dalam Bahasa Arab. Pada peringkat seterusnya, pengkaji meletakkan tajuk-tajuk asas seperti *mubtada'* & *khabar*, *idofah*, *sifat* & *mausuf*, serta *fiel*, *fa'el* dan *maf'ulun bih*. Pada peringkat reka bentuk, pengkaji merangka peta minda dan penerangan mudah bagi setiap tajuk. Disamping itu juga, pengkaji menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa perantara sebagai medium utama bagi menyampaikan maklumat.



Rajah 1: Lima elemen Model ADDIE yang diterapkan dalam modul Bahasa Al-Quran

Dalam fasa pembangunan modul, pengkaji membuat perincian tentang pembangunan modul dengan membina 2 peringkat modul iaitu asas dan lanjutan. Pada peringkat asas, pengkaji menfokuskan kepada aspek pengenalan perkataan Bahasa Arab sama ada isim, fiel atau huruf. Manakala, pada peringkat lanjutan pula, pengkaji memuatkan tajuk-tajuk berkisarkan aspek-aspek tatabahasa arab yang asas seperti idofah, mausuf dan sifat, mubtadak khabar dan lain-lain. Pada peringkat perlaksanaan, pengkaji telah menulis segala tajuk yang telah dirancang mengikut tajuk-tajuk yang sesuai bagi modul tersebut. Pada peringkat penilaian, modul ini telah disemak oleh panel seterusnya diajarkan bagi menilai keberkesanannya dalam pengajaran.

#### **4.2 Pendekatan An-Nadwi daripada buku *Qisas Al-Nabiyyin Lil Atfal***

Abu Hassan Ali An-Nadwi seorang sasterawan Islam yang ulung. Nama beliau sangat terkenal dalam dunia sastera islam. Tempat asal beliau adalah dari benua India. Menurut Ahmad Fahmi dalam bukunya berjudul “Abu Al-Hasan ‘Ali Al-Hasani An-Nadwi: Keperibadian, Sejarah Hidup dan Perjuangan”, namanya mengharumkan syiar Islam di India. Pusat pengajian tinggi Islam yang dipimpinnya telah banyak melahirkan ulama dan cendekiawan muslim bukan hanya di India, bahkan di seluruh dunia.

Sumbangan An-Nadwi dalam Bahasa Arab amatlah besar sekali terutamanya pada buku beliau yang berjudul “*Qisas Al-Nabiyyin li Afal*” iaitu kisah-kisah para nabi bagi kanak-kanak. Beliau menyusun buku ini bagi kanak-kanak yang ingin mempelajari Bahasa Arab berdasarkan kisah-kisah para nabi. Bahkan, menurut Zaharuddin (2015), An-Nadwi menyarankan agar buku ini juga harus dibaca bukan sahaja oleh golongan kanak-kanak, malah juga golongan dewasa kerana buku ini beliau telah menyempurnakan aspek penting bahasa mencakupi unsur lahiriah dan batiniah.

Modul ini telah menyelitkan ayat-ayat Al-Quran dengan pemilihan ayat yang sesuai dengan jalan ceritanya. Ramai dalam kalangan tokoh penulis Arab seperti Sayyid Qutb memuji *Qisas Al-Nabiyyin lil At-Fal*. Pengkaji merasakan pendekatan buku ini harus diberi perhatian yang sewajarnya untuk pembelajaran bahasa Al-Quran di Malaysia. Pendekatan An-Nadwi dalam menyampaikan ilmu bahasa Arab yang mencakupi aspek lahiriah dan batiniah sangat perlu diimplementasikan. Di samping itu, penyusunan kisah-kisah nabi yang yang diambil menerusi ayat-ayat al-Quran turut wajar diambil perhatian.

Dalam membina modul ini, pengkaji mengambil pendekatan lahiriah dan batiniah yang telah diinspirasikan oleh An-Nadwi. Lahiriah yang dimaksudkan adalah bahasa manakala batiniah pula adalah pengajaran yang bercirikan islami. Di dalam modul ini, pengkaji telah menfokuskan kepada contoh-contoh ayat Al-Quran yang mempunyai pengajaran yang baik dalam kehidupan. Di samping itu juga, pengkaji juga mengambil ayat-ayat Al-Quran yang menceritakan tentang kisah dan pengorbanan para nabi. Hal ini adalah bagi meraikan dua aspek dalam pembinaan modul iaitu lahiriah dan batiniah seperti apa yang telah dilaksanakan oleh An-Nadwi.

#### **4.3 Model Knowles untuk pengajaran orang dewasa**

Pengajaran dan pembelajaran untuk orang dewasa berbanding kanak-kanak sangat berbeza. Hal ini kerana kemampuan mereka dalam memproses pelajaran yang mereka telah belajar amat berbeza. Golongan dewasa tidak belajar seperti kanak-kanak. Mereka akan meneliti tentang apa yang mereka akan pelajari, sebab dan keperluan bagi mereka belajar. Mereka juga akan mempelajari sesuatu yang boleh memberi mereka manfaat dalam kehidupan sehariannya (James, 2014).

Valerie (2009) menyatakan bahawa golongan dewasa kebiasaannya akan mengambil tahu apakah mereka mempelajari ilmu baru atau tidak sebelum menyertai sebarang kelas. Hal ini kerana golongan dewasa, fokus mereka ialah pembelajaran yang bersifat kehidupan atau kemahiran yang membantu mereka dalam menjalani rutin kehidupan. Oleh itu, terdapat banyak teori yang menyatakan tentang pengajaran orang dewasa antaranya adalah teori Knowles.

Malcolm S. Knowles adalah salah seorang pelopor teori pengajaran untuk golongan dewasa. Beliau antara yang menggunakan Andragogi dalam pembelajaran dewasa (Kearsley, 2010). Christopher (2013) menyatakan terdapat 4 ciri-ciri pengajaran (Andragogi) untuk orang dewasa mengikut pendapat Knowles iaitu:

- a) Pelajar dewasa hanya mempelajari apa yang diajarkan guru. Perkara ini turut dinyatakan oleh Valerie (2009) bahawa pelajar dewasa hanya perlu mempelajari apa yang diajarkan oleh guru mereka. Tambahan lagi, pelajar hanya mempelajari pembelajaran yang berguna untuk mereka menjawab peperiksaan atau menjalani rutin kehidupan.
- b) Golongan dewasa mempelajari suatu pembelajaran serta mengaitkannya dengan pengalaman-pengalamannya dalam kehidupan. Christopher menambah lagi, golongan dewasa mempelajari sesuatu yang hanya memberi impak kepada rutin harian mereka.
- c) Golongan dewasa dipengaruhi oleh motivasi luaran dan dalaman dalam mempelajari sesuatu pelajaran. Motivasi luaran adalah seperti kawan, suasana kelas, tempat tinggal dan lain-lain. Manakala motivasi dalaman adalah seperti kerohanian, keyakinan diri, nilai-nilai kehidupan dan lain-lain.
- d) Pelajar dewasa menjalankan suatu tugas pelajaran yang memberi kesan pada tugas dan peranan mereka dalam kehidupan. Oleh itu, dalam membangunkan sebuah sesi pembelajaran yang berkesan untuk orang dewasa, tugas, contoh yang sesuai amatlah diambil berat.

Oleh itu, pengkaji merasakan, modul pelajaran Bahasa Arab Al-Quran sepanjang hayat ini harus mengambil kira aspek-aspek yang diketengahkan oleh Knowles. Hal ini kerana kebanyakan pelajar yang menyertai kelas-kelas seperti ini adalah golongan dewasa. Oleh itu, pengkaji telah memasukkan aspek-aspek asas dan penting Bahasa Arab sahaja di dalam modul. Hal ini bagi memudahkan para pelajar untuk memahami Al-Quran. Di samping itu, pengkaji lebih banyak menekankan aspek-aspek seperti kisah, pengajaran dan hikmah dalam menyampaikan pengajaran.

#### **4.4 Pendekatan warna dalam pembelajaran**

Manusia sangat mencintai warna. Murid di institusi pendidikan mencintai pelbagai warna terutama dalam aspek pembelajaran. Di samping dapat merangsang emosi dan memudahkan murid untuk mengingat sesuatu, warna juga mempengaruhi kecekapan dan perhatian murid dalam pembelajaran. Dalam artikel oleh Bo Chang dan Renmei (2018) berjudul “The Impact of Colors on Learning” mengatakan pembelajaran melalui warna dapat menghilangkan kebosanan murid, merangsang minat dan fokus terhadap pembelajaran disamping memudahkan murid dalam mengingat dan memproses pembelajaran.

Menurut Mariam dan Faiz (2012), warna begitu penting dalam pelbagai bidang sama ada pendidikan, komunikasi, kesihatan termasuklah sukan. Tambahan lagi, peranan warna sangat membantu bagi pesakit-pesakit yang mengalami masalah memori seperti gangguan pembelajaran, Autism dan Dylexia. Kesimpulannya, pendekatan warna adalah suatu yang boleh diambil perhatian dalam membangunkan sebuah modul berkesan. Oleh itu, pengkaji berharap agar pendekatan warna dalam modul ini dapat membantu murid dalam memahami bahasa Arab menerusi al-Quran.

Dalam modul ini, pengkaji telah meletakkan warna bagi setiap ayat atau contoh yang diberikan iaitu hitam mewakili fi’el (kata kerja), merah mewakili huruf (kata sendi) dan hijau mewakili isim (kata nama). Hal ini bagi memudahkan para pelajar untuk mengenal perkataan di dalam Al-Quran. Tambahan pula, hal ini dapat membantu para pelajar yang kebanyakannya terdiri daripada golongan dewasa untuk mengingat perkataan yang telah dipelajari. Di samping itu juga, ia juga membantu para pelajar untuk menghafal kandungan dan pengajaran daripada ayat Al-Quran.

#### **4.5 Pendekatan kaedah pusar (2010) oleh Rusdi Alias**

Kaedah Pusar adalah sebuah kaedah yang telah diasaskan oleh Rusdi Alias pada tahun 2010. Kaedah ini adalah sebuah pendekatan Bahasa Arab Al-Quran melalui pembelajaran per kata. Ia telah disusun berdasarkan perkataan-perkataan yang dianggap popular di dalam Al-Quran berdasarkan 12 tahun pengalamannya mengajar Al-Quran kepada orang awam. Di samping itu juga, beliau telah membuat penjenamaan semula terhadap istilah-istilah ilmu sorof menjadi formula tertentu seperti sifir Matematik yang mewakili setiap perkataan bahasa Arab. Tambahan pula, beliau juga telah merumuskan beberapa formula mudah dalam mempelajari Bahasa Arab pada masa kini.

Dalam sistem pengajaran modul, pengkaji menggunakan pendekatan oleh Rusdi Alias dimana setiap perkataan telah disusun berdasarkan 4 kategori iaitu popular, bahasa melayu, berulang dan tidak

tahu. Setiap kategori diperkenalkan sebagai popular sekiranya perkataan tersebut dianggap sudah dipelajari dan kerap dijumpai di dalam Al-Quran. Perkataan bahasa melayu pula adalah perkataan pinjaman yang telah kita gunakan di dalam perbualan bahasa melayu manakala berulang adalah perkataan yang dianggap kerap berulang di dalam Al-Quran. Akhir sekali, perkataan tidak tahu adalah perkataan yang tiada dalam Bahasa Melayu mahupun berulang di dalam Al-Quran.

## 5. Jadual dan Gambar Rajah

Modul yang direkabentuk ini memberi pendedahan kepada beberapa ciri-ciri inovatif yang menarik. Antaranya :

### 5.1 Membahagikan setiap kategori perkataan di dalam Al-Quran dengan warna primer



**Rajah 2:** Contoh penggunaan warna primer dalam pembelajaran surah al-Asr.

Pembahagian perkataan di dalam Al-Quran menggunakan tiga warna primer bagi setiap perkataan. Warna hijau mewakili *Al-Isim (KN)*, merah *Al-Huruf (KS)* dan hitam *Al-Fiel (KK)*. Seperti yang di dapati dalam Rajah 2 di atas. Perkataan yang diwarnakan dengan hijau itu adalah tergolong daripada kata nama seperti *al-Asr*, *al-Insan*, *Khusr*, *Allazina*, *Assolihat*, *al-Haq* dan *as-Sabr*. Manakala perkataan yang berwarna merah adalah perkataan yang terdiri daripada kata sendi yang pelbagai seperti *Waw al-Qasm*, *Inna*, *La fi*, *Illa*, *waw al-Atf* dan *huruf jar bi*. Selain itu perkataan yang merupakan kata kerja menggunakan warna hitam iaitu *Amanu*, '*Amilu* dan *Tawasau*'. Oleh itu para pelajar akan dapat membezakan dengan lebih mudah setiap jenis perkataan dan dapat mengenalpasti dengan pantas perbezaan ketiga-tiga jenis perkataan ini.

### 5.2 Penyediaan tajuk sebagai isu utama bagi setiap contoh yang diberikan


Penyediaan tajuk ini adalah bertujuan untuk memberi kemudahan kepada pelajar untuk merujuk isi penting atau pengajaran yang terkandung di dalam ayat berkenaan. Hal ini bertepatan dengan apa yang dikehendaki oleh pengkaji iaitu menggabungkan aspek lahiriah (bahasa) dan batiniah (pengajaran dan nilai). Ini adalah pendekatan yang diadaptasi daripada metod yang digunakan oleh Abu Hassan Ali An-Nadwi, salah seorang ulama' tersohor pada awal abad ke-20. Ini dinyatakan oleh pengkaji sebelum ini dalam reka bentuk modul.



**Rajah 3 :** Contoh tajuk-tajuk yang disediakan mengikut ayat al-Quran yang diberikan

### 5.3 Pembahagian kunci penguasaan 70% perkataan bahasa Arab di dalam Al-Quran

Pembahagian kunci penguasaan 70% perkataan di dalam Al-Quran ini diadaptasi daripada buku Cara Mudah Menguasai Bahasa Al-Quran Kaerah Pusar oleh Rusdi Alias (2010). Pengajaran Kaerah Pusar ini adalah memfokuskan pengajaran kepada *Al-isim* dan *Al-huruf* asas dalam pengajaran yang merangkumi 40% perkataan di dalam Al-Quran. Manakala perkataan selainnya adalah terdiri daripada perkataan pinjaman yang terdapat dalam Bahasa Melayu serta perkataan yang dianggap berulang-ulang di dalam Al-Quran. Ia merangkumi 30% perkataan di dalam Al-Quran



**Rajah 4:** Peratusan perkataan dalam Al-Quran.

### 5.4 Penyediaan kad kunci perkataan (kalender perkataan) bagi memudahkan pembelajaran

Kad Kunci ini adalah sebuah kad atau kalender yang mengumpulkan *Al-Huruf* dan *Al-Isim* yang wajib diketahui oleh pelajar. Pada permulaan pengajaran, pelajar akan didedahkan dengan mengenal perkataan *Al-Huruf* dan *Al-Isim* yang menjadi syarat wajib untuk mereka kenal sebelum mengenal tajuk-tajuk yang lebih besar. Kad ini penting bagi mereka sebagai rujukan pada setiap kali kelas berlangsung. Selain itu, kad ini juga mengandungi jadual mudah bagi mereka untuk mengenal *Al-Fiel*

serta perubahan-perubahannya. Tambahan pula, ia mengandungi rujukan mudah bagi *wazan* atau formula morfologi yang disusun mengikuti susunan bernombor.



## 6. Pengiktirafan dan Penerbitan

Kajian dan penyelidikan ini telah menyertai beberapa pertandingan inovasi yang dianjurkan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Ia juga telah mendapat respon dan pengiktirafan yang baik dari pelbagai pihak. Antaranya ialah pasukan penyelidik telah memperoleh pingat gangsa dalam Pertandingan e-Inovasi sempena Majlis Dekan Pendidikan peringkat Kebangsaan (MEDC) 2020 di Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan memperoleh pingat emas dalam Pertandingan Inovasi Kajian dan Pendidikan Antarabangsa (Edu-INNOVATION) 2020 yang dianjurkan oleh Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).



## 7. Kesimpulan

Berdasarkan dapatan yang dibuat, diharapkan kajian dapat memberi impak yang baik untuk masa depan bahasa Arab di Malaysia. Kita mengharapkan sebuah modul Bahasa Arab yang mudah dan sesuai untuk segala lapisan masyarakat khususnya di Malaysia dapat diimplementasikan bagi membantu orang ramai memahami Bahasa Arab serta menghayatinya dalam segenap kehidupnya khususnya dalam ibadah. Dengan modul ini juga, pengkaji mensasarkan untuk menerbitkan lebih banyak produk yang lebih bersifat holistik seperti aplikasi bahasa al-Quran digital, e-Book pembelajaran Bahasa Arab al-Quran dan sebagainya. Pembinaan modul pembelajaran Bahasa Arab digital ini dilihat juga bersesuaian dengan kehendak semasa kini selain memberi nafas baru dalam dunia pembelajaran bahasa Arab. Hal ini memerlukan usaha dan pergandingan bahu antara banyak pihak bagi merealisasikannya. bahasa Arab yang dilihat sebagai bahasa ilmu dan ibadat ini akan dilihat terus segar dalam masyarakat jika hal ini dapat direalisasikan dengan jayanya.

## Rujukan

- Abdul Jalal Abdul Manaf, Shamsul Bahari Dahalan dan lain-lain. (2015). *Keberkesanan Kaedah Kefahaman Makna Ayat Al-Quran Berbantuan Al-Quran Terjemahan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Hifz Al-Quran*. Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Abu Ali Al Banjari An-Nadwi (Ahmad Fahmi Bin Zamzam). (2000). *Abul Hasan Ali Al-Hasani An-Nadwi: Sejarah Hidup Dan Pemikirannya*. Khazanah Banjariah.
- Bo Chang, Renmei Xu, & Tiffany Watt. (2018). *The Impact of Colors on Learning*. Conference Proceedings (Victoria, BC Canada).
- Che Radiah Mezah & Raja Masittah, (2011). *Pengajaran Bahasa Arab Warga Emas U3A Serdang: Satu Kajian Penerokaan*. In Enhancing Islamic & Arabic Language Education Through Quality Research Terbitan Assosiation of Malaysian Muslim Intelectuals. Seri Kembangan, Selangor.
- Christopher Pappas. (2013). *The Adult Learning Theory – Andragogy – of Malcolm Knowles*. Elearning Industry.
- Husaini Kasran, Che Radiah & Nik Farhan. (2015). Analisis Keperluan Pembelajaran Bahasa Arab Dalam Kalangan Warga Emas. *E-Journal of Arabic Studies & Islamic Civilization*, 2.
- James G. Clawson. (2008). *Adult Learning Theory*. Darden Business Publishing.
- Kearsley, G. (2010). *Andragogy (M.Knowles)*. *The Theory Into Practice Database*. <http://tip.psychology.org>
- Ku Fatahiyah Ku Azizan, Hanis Najwa Shaharuddin, Farah Nur-Rashida Rosnan, & Wazzainab Ismail. (2019). Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Tahfiz Wal Qiraat. *Journal of Social Science and Humanities*, 16(2), 1-15.
- Mariam Adawiyah Dzulkifli, & Muhammad Faiz Mustafar. (2012). The Influence of Colour on Memory Performance: A Review. *Malays J Med Sci.*, 20(2), 3-9.
- Md Noor Hussin, Kamal Azmi Abd Rahman, & Rosni Wazir. (2019). *Kajian Deskriptif Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab di Kalangan Muallaf*. International Conference On Muallaf (ICOM).
- Md Noor Hussin, Saupi Man, & Khairatul Aqmar. (2016). *Tahap Penguasaan Bahasa Arab Masyarakat Awam Melalui Perlaksanaan Pembelajaran Bahasa Arab di Masjid*. Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah 2016.
- Mohamad Hussin, & Abdul Hadi Marosadee. (2019). Pembinaan Modul Pembelajaran ‘Adad dan Ma’dud Berpandukan Ayat Al-Quran. *Issues in Language Studies*, 8(1).
- Mohd Shafie Zulkifli, Hairun Najuwah Jamali, Hasanah Iksan, & Ahmad Ismail. (2018). Modul Pengajaran Dan Pembelajaran Interaktif Bahasa Arab Di Pusat Bahasa Arab Selangor (PBAS). *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 5(1).
- Mohd Shahrizal Nasir, Muhammad Sabri Sahrir, & Mohd Firdaus Yahaya. (2015). Tinjauan Persepsi Pembelajaran Bahasa Arab Untuk Tinjauan Ibadah Sebagai Satu Keperluan Bagi Masyarakat Muslim Awam di Malaysia. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 30, 51–72.
- Mohd. Rusdi Alias. (2013). *Cara Mudah Menguasai Bahasa Al-Quran: Kaedah Pusar Gabungan Perkataan Popular dan Sifir*. Kibar Management.
- Nazri Atoh, Saipolbarin Ramli, & Muhammad Zulkifli Abdul Manan. (2017). Keberkesanan Pengajaran Al-Balaghah Al-‘Arabiyyah dengan Menggunakan Contoh Ayat Al-Quran.

*Proceedings of the International Conference on the Teaching and Learning of Languages (ICTLL) 2017.*

- Nooraihan Ali, Mohd Hilmi Abdullah, & Asyraf Ab Rahman. (2020). Penilaian Keberkesanan Modul Pembelajaran Kendiri Strategi Pemahaman Membaca Teks Bahasa Arab (MPK SPMBA) Untuk Pelajar Pengajian Islam di Institut Pengajian Tinggi. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*.
- Nor Yazidah Yahya, Che Radiah Mezah, Nik Farhan Mustapha & Mohd Sukki Othman. (2016). Pemilihan Kosa Kata Dalam Pembinaan Modul Pembelajaran Asas Bahasa Arab untuk Pelajar Warga Emas. *Jurnal AL-ANWAR, Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur (PBMITT)*, 2(2), 73-92
- Nor Yazidah Yahya, Che Radiah Mezah, Nik Farhan Mustapha, & Mohd Sukki Othman. (2016). Kerangka Pembinaan Modul Pembelajaran Asas Bahasa Arab Untuk Pelajar Warga Emas. *e-Journal of Arabic Studies & Islamic Civilization*, 3.
- Nur Afifah Fadzil, & Suhaila Zailani @ Hj Ahmad. (2014). Tinjauan Literature Modul Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab untuk Orang Awam. *Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab*.
- Steven J. McGriff. (2000). *Instructional System Design (ISD): Using the ADDIE Model*. Instructional Systems, College of Education, Penn State University.
- Ummu Nasibah Nasohah, Muhammad Izuan Abd Ghani. & Nazipah Mat Shaid @ Md Shaid. (2015, 4-5 Februari). Model Addie Dalam Proses Reka Bentuk Modul Pengajaran: Bahasa Arab Tujuan Khas di Universiti Sains Islam Malaysia Sebagai Contoh. *Proceedings of the International Seminar on Language Teaching ISeLT 2015*, Bangi, Malaysia.
- Valerie McGrath. (2009). Reviewing the Evidence on How Adult Students Learn: An Examination of Knowles' Model of Andragogy. *The Irish Journal of Adult and Community Education*, 99-110.
- Wan Azura Wan Ahmad, Lubna Abd Rahman, Arnida A. Bakar, & Zainur Rijal Abd Razak. (2009). *Kepentingan Bahasa Arab dalam Penghuraian Isu Makanan: Kajian Dalam al-Quran*. Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Zaharuddin Nawi Al-Qasimi. (2016). *Qisas Al-Nabiyyin Li Atfal: Kisah Para Nabi Untuk Kanak-Kanak, Makna Kalimah, Penerangan Nahu & Saraf dan Terjemahan, Jilid 1*. Basoor Global.
- Zalika Adam, Lubna Abdul Rahman, Wan Azura Wan Ahmad, & Ku Fatiyah Ku Azizan (2007). Kesedaran Orang Awam Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia: Satu Kajian dalam Kursus Bahasa Arab. *Prosiding Malaysia International Conference on Foreign Language*, Putrajaya.